

ABSTRAK

MOHD SABRI B. ISMAIL. Perkembangan Islam Di Kalangan Orang Asli Dari Tahun 1987 –1997 : Satu Tinjaun Dari Sudut Penerimaan Masyarakat Asli Di Post Brook, Gua Musang, Kelantan.

Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Post Brook merupakan sebuah perkampungan masyarakat Orang Asli yang terletak jauh di pedalaman dan salah satu tempat yang mendapat perhatian serius dari beberapa pihak dalam mengembangkan Islam, malah berusaha meningkatkan pencapaian dalam berbagai aspek kehidupan termasuk pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Walaupun dikatakan tempat ini jauh dari percaturan perhubungan luar namun, keadaan ini tidak sedikit pun menjadi penghalang bagi pengembangan Islam kepada masyarakat di sana. Semenjak mutakhir ini perkembangan Islam di kalangan Orang Asli begitu memberangsangkan malah peningkatannya begitu ketara dari setahun ke setahun. Berasaskan ini telah menarik minat penulis untuk membuat kajian serta melihat perkembangan Islam di kalangan mereka.

Untuk mencapai kearah itu, penulis mendapatkan data-data yang diperlukan dengan menggunakan dua bentuk penyelidikan yang utama iaitu penyelidikan perpustakaan (Library Research) dan penyelidikan lapangan (Field Research). Penyelidikan perpustakaan kebanyakannya digunakan dalam hampir semua bab termasuklah bab pertama, kedua, ketiga dan sedikit dalam bab keempat. Manakala dalam penyelidikan lapangan pula penulis menggunakan beberapa bentuk metode

seperti metode interview, metode soalselidik dan metode observasi bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan tepat.

Kajian ini memberi tumpuan kepada peningkatan pemeluk agama Islam di kalangan masyarakat Orang Asli dan meninjau dari sudut penerimaan mereka terhadap agama Islam dari tahun 1987 - 1997, di Post Brook, Gua Musang. Ini bagi memantapkan lagi perisian kajian supaya lebih bermutu.

Dalam bab I kajian ini, sebagai pendahuluan penulis memberi gambaran awal tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian ini. Antara lainnya ialah tentang latar belakang kajian yang membicarakan berhubung dengan perkembangan Islam dan Islam sebagai satu agama yang di redhai oleh Allah Ta'ala. Antara lain yang dibincangkan ialah pernyataan masalah, kepentingan kajian ini, tujuan kajian ini dibuat, batasan kajian, kajian-kajian lepas, pengertian tajuk bagi menjelaskan lagi maksud dan kehendak tajuk kajian, metodolgi kajian serta sistemetika kajian.

Dalam bab II pula, penulis memberi penumpuan kepada elemen persejarahan di Kelantan dari aspek sejarah awal negeri Kelantan sebagai latarbelakang tempat kajian. Ia juga meliputi era perkembangan Islam di Kelantan sebagai salah satu gambaran awal iaitu menyatakan bahawa Kelantan merupakan satu tempat yang berpotensi untuk Islam berkembang, dengan menyebut dalam kajian ini beberapa orang tokoh Ulama'-Ulama' yang terkenal, bukan sekadar dalam negeri malah hingga ke keluar negeri dalam memperkembangkan Islam melalui pengajaran ilmu-ilmu agama.

Bab III penulis memberi penekanan kepada beberapa aspek yang berkaitan dengan Orang Asli di mana perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah berkaitan dengan istilah Orang Asli, Asal usul, penjumlahan masyarakat Orang Asli di Kelantan dan juga meninjau mengenai kepercayaan yang wujud di kalangan mereka. Tidak ketinggalan juga dalam bab ini penulis membincangkan perkembangan Islam di kalangan mereka serta pihak yang bertanggungjawab menyebarkan Islam terhadap masyarakat Orang Asli, malah melihat dari sudut beberapa halangan yang dihadapi oleh pendakwah dalam memperkembangkan Islam kepada masyarakat Orang Asli.

Dalam bab IV penulis membincangkan berhubung dengan penyebaran Islam di Post Brook sebagai tempat atau sasaran kajian, di mana dalam bab ini penulis mengupas beberapa aspek utama yang berkaitan dengan Post Brook seperti Sejarah Post Brook, Asal usul Masyarakat Orang Asli di sana, keadaan kehidupan mereka dari 3 aspek utama iaitu Ugama, Ekonomi, dan Sosial. Antara lain juga dibincangkan dalam bab ini ialah tentang Institusi Sosial Orang Asli, kemasukan Islam di Post Brook, pelopor kepada penyebaran Islam, faktor-faktor mereka tertarik kepada Islam dan juga pendekatan yang digunakan oleh para pendakwah dalam menarik masyarakat Orang Asli Post Brook menerima Islam serta permasalahan yang dihadapi oleh pendakwah mahupun keberkesanan dakwah yang dijalankan.

Bab yang terakhir sekali, iaitu dalam bab V penulis membuat rumusan terhadap apa yang dibincangkan mengikut bab-bab yang terdapat dalam kajian disertasi ini. Sejauhmana apa yang di usahakan itu mencapai kejayaan serta membentangkan beberapa cadangan bagi meningkatkan lagi usaha dan pencapaian Dakwah Islamiah di kalangan masyarakat Orang Asli.

ABSTRACT.

MOHD SABRI B. ISMAIL. Islamic Development of 'Orang Asli' From Year 1987

Until 1997: Focus On Orang Asli In Post Brook Gua Musang, Kelantan.

Usuluddin Faculty of Islamic Academy, University Malaya, Kuala Lumpur.

Post Brook is an Orang Asli settlement. It is situated far in the rural. It is one of the place that gets more serious attention from other side in developing of Islam. Furthermore they afford to raise more achievement in every aspect of life include education, health and etc. Although this place is far from communication still this situation undefined to Islamic development in the society of Orang Asli. The latest, Islamic development in the society of Orang Asli so exciting and increasing from year to year. From this, the writer interested to make a research and observing Islamic development among them.

For this objective, the writer getting more information that needed by using two main research. There are Library Research and Field Research. The Library Research is used in almost chapter, include first chapter, second, third and a few in fourth chapter. Meanwhile in Field Research, the writer using a few methods such as Interview Method, Investigation Method, Observation Method for getting a right information.

This research is concentrate on increasing of new members is Islam in the society of Orang Asli and observe them in Islamic Religion from year 1987 – 1997, at Post Brook, Gua Musang. It is for a good and excellent research.

The first chapter in the research is about the background of research and discuss about Islam is the religion that blessing by Allah. There are the problem, the important and the aim of the research.

The second chapter, the writer has been focus on historical place in Kelantan as a background of the research. It has been covered all of Islamic development in Kelantan as the first description that Kelantan is the potential place for Islamic development. In this research the writer talk about a few of the famous pious either in the country or overseas. They spread Islam through their knowledge.

The third chapter is focus on definition of Orang Asli, their background and the total of the society of ‘Orang Asli’ and observe their thrust. In this chapter, the writer also discuss about development in Islam responsible to spread Islam and the problems in the society of ‘Orang Asli’.

The fourth chapter is about the history of Post Brook and their background. There are three aspect like religion, economy and social. Also discuss about the social of ‘Orang Asli’, Islam in Post Brook, the pioneer to spread Islam, the factors they interested in Islam, the problems and also the step have been used by missionary in attracting them.

The last topic is a conclusion in whatever had been discussed in this research.

There are about how the efford will be success and suggestion to improve Islam in the society of 'Orang Asli'.